

# Ahli Gerakan perlu lebihutamakan parti

BH 25 SEP 2000

GEORGETOWN, Ahad - Ahli Gerakan terutama di Pulau Pinang diingat supaya tidak leka dan berpuas hati walaupun diberi kepercayaan terus menerajui negeri itu.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata kepercayaan diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul setiap ahli.

Katanya, semua ahli perlu bekerja lebih kuat untuk parti han rakyat selain tidak mengambil mudah serta mementingkan diri lebih daripada parti.

"Kita kena pastikan kita menang dalam pilihan raya, kalau kita kosong (kalah), tidak ada satu kerusi pun, siapa nak bagi kita jadi Ketua Menteri," katanya ketika menggulung perbahasan Persidangan Perwakilan Gerakan Ke-

bangsaan ke-29 di sini.

"Saya berharap semua ahli Gerakan di Pulau Pinang dan Ketua Menteri (Dr Koh Tsu Koon) tolong ambil mesej ini, jika mahu memastikan kita (Gerakan) terus menerajui Pulau Pinang," katanya.

Semalam, ketika merasakan persidangan itu, Dr Mahathir memberi jaminan parti Gerakan akan terus diberi kepercayaan menerajui kerajaan Pulau Pinang atas dasar muafakat Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, Gerakan akan terus diberi kepercayaan pada masa kini dan akan datang di Pulau Pinang, kerana BN akan mengagih kerusi dalam parti komponen secara saksama, dengan di suatu tempat parti ini (Gerakan) dan tempat lain parti komponen lain.

Beliau berkata, walaupun Umno pernah menang 12 kerusi dan Gerakan hanya tujuh kerusi pada pi-

lihan raya umum 1990, atas semangat BN, Gerakan tetap diberi peluang menerajui Pulau Pinang.

Keng Yaik berkata, ahli Gerakan kini perlu lebih berwaspada dalam setiap tindak tanduknya, agar tidak mudah diperkotak-katikan oleh pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan.

Sementara itu, beliau berkata, ahli Gerakan tidak wajar takut menerima perubahan terutama soal kepemimpinan parti bagi memastikan ia terus menyediakan pemimpin terbaik.

Katanya, suatu ketika dulu, ketika beliau melantik Ahli Parlimen Bukit Bendera, Chia Kwang Chye sebagai Setiausaha Agung Gerakan, ada pihak kurang senang atau menindakkan kemampuan Chia.

Beliau berkata, setiap pemimpin baru perlu diberi peluang menunjukkan kebolehan mereka terlebih dahulu.